

11 DEC 1999

Nik Aziz-kabinet

KERJASAMA PUSAT-KELANTAN PERLU DIJALIN ERAT

KOTA BAHARU, 11 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Aziz Nik Mat berkata kerjasama erat antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri Kelantan perlu terus dijalin walaupun tidak ada wakil dari negeri ini yang menganggotai barisan Kabinet yang diumumkan semalam.

Beliau berkata tidak ada sebab mengapa kerjasama yang terjalin antara kedua-dua belah pihak perlu diregangkan semata-mata kerana wakil Kelantan tidak disenaraikan dalam barisan Kabinet baru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya berharap barisan kabinet yang diumumkan Dr Mahathir semalam dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Nik Aziz berkata beliau percaya ketiadaan wakil dari Kelantan dalam Kabinet menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat mengiktiraf kemampuan Kerajaan Negeri dan menghormati pilihan rakyat.

Sementara itu Ketua Penerangan Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Rozali Isohak, meminta Dr Mahathir mengkaji semula untuk melantik seorang menteri Kabinet dari negeri ini.

Beliau berkata Kelantan akan terus kerugian jika tiada seorang menteri yang boleh berhubung di antara rakyat dan Kerajaan Pusat.

"Pada pilihan raya umum yang lepas masih ramai yang menyokong BN dan mereka itu terdiri dari kalangan yang mahukan pembangunan," katanya.

Rozali bagaimanapun yakin Dr Mahathir tidak akan menyisihkan Kelantan dan akan terus memajukan negeri ini.

-- BERNAMA

ZI MNY NAK